



SEBAHAGIAN bangkai kapal tersebut dapat dilihat di permukaan Sungai Thames. – FRASER GRAY



PETA menunjukkan lokasi bangkai kapal karam. – THE SUN

Kapal Perang Dunia Kedua dalam Sungai Thames mampu cetuskan tsunami

# Tentera Britain lupus 1,400 tan bom

**LONDON** – Tentera Laut Diraja Britain akan melupuskan 1,400 tan bahan letupan dalam kapal karam semasa Perang Dunia Kedua di Sungai Thames kerana berpotensi mencetuskan kejadian tsunami, lapor akhbar *The Sun* kelmarin.

Bangkai kapal SS *Richard*

*Montgomery* telah terbenam di dasar Sungai Thames di Kent selama 77 tahun. Kini, wujud kebimbangan bahawa ia boleh meletup pada bila-bila masa dan mampu menghasilkan gelombang setinggi lima meter yang boleh menyebabkan kerosakan besar-besaran serta mengancam nyawa.

Akhbar *The Telegraph* melaporkan sepasukan pakar pelupus bom yang terlatih dalam pelupusan bawah air telah ditugaskan untuk memastikan bangkai kapal dari tahun 1944 itu berada dalam keadaan selamat.

Kerja-kerja tersebut dijangka bermula pada Jun depan dan

mengambil masa selama dua bulan.

Bom-bom itu kebanyakannya digunakan oleh pesawat termasuk berpuluh-puluh 'bom *Blockbuster* letupan besar' dan kira-kira 2,000 sarung bom berkelompok bersama ratusan bom biasa yang mempunyai be-

rat hampir 453 kilogram setiap satu.

Kapal perang itu adalah sebahagian daripada konvoi Amerika Syarikat yang menuju ke Britain pada Ogos 1944, namun selepas tiba di muara Sungai Thames, ia diarahkan untuk berlabuh dan kemudiannya tenggelam. – AGENSI